

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
YANG DIPERTUA BAKTI
DI PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-12
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 28HB. JUN, 1989
PUKUL 2.00 PETANG

Yang Berbah'agia Dato Seri Dr. Robaayah
Zambahari;

Yang Berbahagia Saudari-Saudari Ahli-ahli
BAKTI;

Yang Berusaha Juruodit BAKTI;

Puan-puan hadirin sekalian.

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya sahaja dapat kita berjumpa sekali lagi di Mesyuarat Tahunan BAKTI yang ke-12 pada hari ini.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran saudari-saudari dan hadirin sekalian terutama sekali kepada tetamu kehormat BAKTI iaitu Yang Berbahagia Dato Seri Dr. Robaayah Zambahari yang sentiasa sibuk dengan urusan beliau di Hospital Besar Kuala Lumpur, tetapi berkesudian untuk menerima jemputan BAKTI merasmikan Mesyuarat Tahunan yang ke-12 ini. Kepada beliau dan para hadirin sekalian saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih.

3. Adalah menjadi tradisi bagi BAKTI menjemput wanita kenamaan untuk merasmikan Mesyuarat Tahunan BAKTI dengan tujuan memberi penghormatan sambil berkenalan dengan mereka. Selain daripada itu BAKTI ingin mengemukakan tetamu-tetamu ini serta mendapat nasihat atau pandangan daripada mereka dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan wanita amnya. Tetamu wanita kenamaan pada tahun-tahun yang lampau yang dijemput terdiri daripada isteri kepada bekas-bekas Menteri, tokoh-tokoh wanita dan profesional, khasnya wanita-wanita yang memegang jawatan yang ulung di negara ini, umpamanya Duta Besar, Hakim, Dekan Fakulti dan sebagainya.

4. Pada hari ini, BAKTI amat bangga mengalu-alukan seorang lagi wanita yang dengan kebolehannya sendiri membuktikan bahawa tiada jawatan yang terhad bagi wanita dan tiada sebab wanita tidak boleh beraspirasi tinggi sesama kaum lelaki.

5. Dato Seri Dr. Robaayah dilahirkan di Batu Gajah, Perak Darul Redzuan. Beliau mendapat pendidikan awal di Batu Gajah dan di Ipoh, sebelum beliau melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya dan menerima ijazah M.B.B.S. pada tahun 1977. Pada tahun 1981, beliau melanjutkan pelajarannya pula ke United Kingdom iaitu di St. Mary's Hospital, London untuk mendapatkan ijazah M.R.C.P.nya sambil berlatih dalam bidang kardiologi di Hammersmith School for Post Graduate Education, London. Sekembalinya ke tanahair pada tahun 1984, beliau telah bertugas bersama-sama dengan Dr. Nik Zainal, Pakar Perunding Kardiologi yang terkenal dan juga Dr. Rozali Wathooth, pakar Pembedah Jantung yang ulung di negara ini. Kebolehan dan kepakaran Dr. Robaayah diuji apabila kedua-dua pakar perunding tersebut meletakkan jawatan dari Kerajaan, dan Dr. Robaayah dilantik sebagai Ketua Jabatan Unit kardiologi, Hospital Besar Kuala Lumpur.

6. Memilih kerja sebagai Cardiologist memerlukan suatu keistimewaan watak, lebih-lebih lagi jika orang itu seorang wanita. Jika dipandang beliau, ramai tidak akan menyangka bahawa wanita yang genit dan nampak pendiam ini adalah Pakar Perunding Kardiologi, Hospital Besar Kuala Lumpur.

7. Dr. Robaayah mengetuai Jabatan yang paling sibuk dan dianggotai dengan ramai doktor lelaki dan para jururawat. Beliaulah yang memulai jentera pemeriksaan pesakit-pesakit jantung yang masuk ke Hospital Besar Kuala Lumpur dan

beliaulah. yang mengarah peraturan-peraturan rawatan rapi. Nampak sahaja genit tetapi tegas, cergas dan tepat.

8. Selain daripada tugas klinikal dan tugas pentadbiran, Dr. Robaayah ditugaskan memberi latihan dan bimbingan mengenai Advanced Cardiac Life Support (ACLS), Rawatan Rapi Koronari dan rawatan bagi pesakit-pesakit koronari kepada tenaga-tenaga pengajar. Sebagai Pensyarah Kehormat di Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau memberi ceramah dan syarahan kepada doktor-doktor dan pelajar-pelajar selain kepada orang awam.

9. Dr. Robaayah juga banyak menghadiri kursus dan seminar dalam dan luar negeri, khas mengenai koronari dan Angiography dan Angioplasty - suatu siasatan dan rawatan yang terbaru bagi pesakit-pesakit jantung. Beliau adalah Pakar yang ulung menjalankan angiography di negara kita ini.

10. Tidaklah hairan sekiranya wanita yang berasal daripada negeri Perak Darul Redzuan ini dikurniakan Johan Setia Di-Raja (JSD) pada tahun 1984, Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) pada tahun 1986 yang membawa gelaran 'Dato'. Pada tahun lepas, Dato Dr. Robaayah menerima bintang Kesatria Mangku Negara (KMN) dan pada bulan Mac tahun ini, beliau dikurniakan pula dengan bintang Dato¹ Paduka Cura Si Manja Kini (DPCM) oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak.

11. BAKTI dan saya sendiri mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato Seri atas kurniaan yang cemerlang itu dan bersama-sama berbangga di atas kejayaan yang telah dicapai. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan mencucuri lagi rahmat bahagia, taufik dan hidayahNya kepada Dato Seri supaya seluruh masyarakat Malaysia akan sama-sama menerima nikmatnya melalui kepakaran, kegigihan dan kejayaan Dato Seri, insya-Allah.

Puan-puan dan hadirin sekalian,

12. BAKTI amat peka dalam membantu pesakit-pesakit jantung semenjak awal 1980-an lagi. BAKTI telah mengadakan walkathon khas bagi mengutip derma untuk kanak-kanak pesakit jantung ke Phillipines Heart Centre, Manila, untuk menjalani pembedahan. Ramai daripada kanak-kanak ini telah berjaya dirawat di Manila dan di Australia di mana ketika itu pembedahan jantung telah dilakukan oleh Pakar Pembedahan Jantung, dan juga Malaysia belum lagi ada kemahiran dalam bidang ini.

13. Selain daripada itu BAKTI telah memberi bantuan kepada Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Universiti untuk mendapatkan alat-alat perkakas untuk kegunaan klinik-klinik kardiologi dan pesakit-pesakit seperti katil, pace-makers dan alat-alat video untuk latihan doktor-doktor dan perawatan. Di Hospital Universiti pula, BAKTI membantu menampung belanja memperbaiki Unit Rawatan Rapi

Kardiologinya (CICU) dan sehingga kini, mudah-mudahan BAKTI dapat membantu sedikit sebanyak pesakit-pesakit dan institusi-institusi rawatan mengenai sakit jantung.

14. Seringkali kita membaca dalam surat-surat khabar bahawa pesakit-pesakit jantung iaitu orang-orang dewasa mahupun kanak-kanak yang membuat rayuan bantuan untuk mendapatkan rawatan di luar negeri. Ada juga yang merayu kepada BAKTI dengan menyertakan sekali surat-surat bukti daripada pakar-pakar tempatan.

15. Saya amat berduka-cita dan berasa kesal kerana terdapat rakyat Malaysia yang masih lagi ke luar negeri untuk mendapatkan rawatan. Tidak dapat dinafikan bahawa ada pesakit-pesakit yang benar-benar memerlukan pemeriksaan dan rawatan di luar negeri kerana di sana sahajalah rawatan dan pemeriksaan rapi dapat dilakukan. Tetapi malangnya, yang berpendapatan rendahpun diminta untuk keluar negeri bagi mendapatkan rawatan itu. Ini menunjukkan seolah-olah tidak ada langsung pakar atau rawatan tersebut di negara kita.

16. Saya faham bahawa senarai menunggu untuk pembedahan jantung amatlah ramai dan sebahagian kes sakit jantung tidak boleh menunggu lama dalam giliran mereka. Tetapi saya difahamkan dalam kecemasan, pesakit jantung ini tidak menunggu giliran dan rawatan mereka diutamakan. Rawatan di negara sendiri bukan sahaja murah lagi, malahan lebih rapi jagaannya daripada yang didapati di luar negeri. Bagi

keluarga pesakit pula, keluarga mereka boleh bersama-sama atau berada berdekatan dengan mereka.

17. BAKTI menggalakkan pesakit-pesakit jantung memberi sepenuh kepercayaan kepada pakar-pakar kardiologi dan pembedahan di dalam negara kita sendiri, tidak kira dalam Kerajaan atau swasta, dengan sebab-sebab yang disebutkan tadi. Sedekat-dekatnya pakar asing dari negara kita, lebih munasabah lagi rakyat Malaysia mengutamakan dan menghargai pakar-pakar sendiri.

Puan-puan hadirin sekalian,

18. Kerajaan sudahpun membelanjakan wang yang banyak untuk memberi latihan kepada doktor-doktor dan mereka telahpun memberikan khidmatnya kepada rakyat negara. Kita perlu berbangga di atas kejayaan ini dan memberi kepercayaan dan sokongan kepada mereka.

19. Baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan cadangan untuk menubuhkan Institut Kardio-Torasik atau Cardio-Thoracic Institute di Kuala Lumpur. Institut ini adalah untuk memberi rawatan, latihan dan kajian yang lebih sempurna mengenai sakit jantung dan paru-paru. Justeru itu saya menyeru orang ramai dan pihak korporat untuk sama-sama memberi sokongan dan bantuan dengan menderma kepada Institut ini nanti.

20. Sakit jantung adalah satu penyakit yang boleh dicegah atau dielakkan sekiranya kita mengambil langkah-langkah pencegahan lebih awal lagi. Antara langkah-langkah yang patut diamalkan oleh kita semua ialah menghindarkan diri daripada merokok, penjagaan makanan yang seimbang, bersenam, berehat dan sebagainya. Di samping itu kita seharusnya menjalani latihan CPR atau Cardio-Palmonary Resuscitation, untuk faedah keluarga khasnya dan masyarakat amnya.

Puan-puan hadirin sekalian,

21. Inilah sebab utama BAKTI mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat kita Yang Berbahagia Dato Seri Dr. Robaayah Zambahari, seorang pakar perunding yang amat kita banggakan di negara ini. Akhirnya saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati tugas kita untuk berusaha dengan ikhlas dan cergas demi kepentingan golongan-golongan yang kurang bernasib baik.

22. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada para hadirin sekalian.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
